



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 54
No. 8

22hb April 2010

*TAMBAHAN No. 38
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 120

AKTA SETEM 1949

PERINTAH DUTI SETEM (PENGECUALIAN) 2010

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(1) Akta Setem 1949 [*Akta 378*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

- (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Pengecualian) 2010**.
- (2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2010.

Pengecualian

- Surat cara yang dinyatakan dalam Jadual bagi pembelian rumah pangsa di bawah Program Perumahan Rakyat Majlis Tindakan Ekonomi Negara dan Perumahan Awam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang disempurnakan pada atau selepas 1 Januari 2010 tetapi tidak lewat dari 31 Disember 2011 adalah dikecualikan daripada duti setem.

JADUAL

- (a) Perjanjian Jual Beli rumah pangsa antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dengan pembeli.
- (b) Surat cara yang menguatkuasakan pindah hakmilik rumah pangsa daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kepada pembeli yang dinamakan dalam Perjanjian Jual Beli dalam perenggan (a).
- (c) Surat cara dalam bentuk cagaran yang disempurnakan antara pembeli yang dinamakan dalam Perjanjian Jual Beli dalam perenggan (a) dengan suatu bank atau institusi kewangan untuk membiayai pembelian rumah pangsa itu.

Dibuat 13 April 2010

[Perb.CR (8.09)248/39/7-217 Jld. 7 (SK. 11); LHDN. 01/32.3/42/68-180-2(1/09);
PN(PU2)159/XXXV]

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah
Menteri Kewangan Kedua